



22 Mei 2020
22 May 2020
P.U. (A) 170

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT (LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN) (NO. 6) (PINDAAN) 2020

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES (MEASURES WITHIN INFECTED LOCAL AREAS) (NO. 6) (AMENDMENT) REGULATIONS 2020

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988

PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT
(LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN) (NO. 6)
(PINDAAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(2) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 6) (Pindaan) 2020**.

Pindaan peraturan 6

2. Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 6) 2020 [*P.U. (A) 147/2020*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 6—

(a) dalam subperaturan (2), dengan memasukkan selepas perkataan “kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada” perkataan “Pegawai Penjaga Daerah Polis bagi tempat di mana dia tinggal atau”; dan

(b) dalam subperaturan (3), dengan memasukkan selepas perkataan “kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada” perkataan “Pegawai Penjaga Daerah Polis bagi tempat di mana dia tinggal atau”.

Peraturan baharu 7A

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 7 peraturan yang berikut:

“Sembahyang di tempat ibadat

7A. Tertakluk kepada arahan Ketua Pengarah yang dikeluarkan di bawah peraturan 14, orang boleh berkumpul untuk bersembahyang di mana-mana tempat ibadat agama orang itu dan orang yang berkumpul itu tidak diambil kira sebagai menyertai atau terlibat dalam suatu perhimpunan yang dilarang di bawah subperaturan 7(1).”.

Penggantian peraturan 9

4. (1) Peraturan-Peraturan itu dipinda dengan menggantikan peraturan 9 dengan peraturan yang berikut:

“Kenderaan persendirian

9. Mana-mana orang yang memandu kenderaan persendirian boleh membawa apa-apa bilangan penumpang yang boleh dibawa di dalam kenderaan persendirian itu sebagaimana yang dikawal selia di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*] dan penumpang itu hendaklah orang yang tinggal serumah dengannya.”.

(2) Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 27 Mei 2020.

Penggantian peraturan 11

5. Peraturan-Peraturan itu dipinda dengan menggantikan peraturan 11 dengan peraturan yang berikut:

“Pengangkutan awam udara ke Negeri Sabah atau Sarawak atau Wilayah Persekutuan Labuan dari Semenanjung Malaysia dan sebaliknya

11. Seseorang pemegang lesen atau permit mana-mana pengangkutan awam udara untuk membawa penumpang hendaklah memastikan bilangan penumpang yang dibawa di dalam pengangkutan awam udara itu bagi setiap perjalanan ke Negeri Sabah atau Sarawak atau Wilayah Persekutuan Labuan dari Semenanjung Malaysia dan sebaliknya hendaklah mengikut arahan Ketua Pengarah yang dikeluarkan di bawah peraturan 14.”.

Pindaan Jadual

6. Jadual kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam perenggan 10 dengan memotong perkataan “perkhidmatan pelancongan,”.

Dibuat 22 Mei 2020

[KKM.600-29/4/146 Jld.2 (30); PN(PU2)470/VI]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
Menteri Kesihatan

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES ACT 1988

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES
(MEASURES WITHIN INFECTED LOCAL AREAS) (NO. 6) (AMENDMENT)
REGULATIONS 2020

IN exercise of the powers conferred by subsection 11(2) of the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 [Act 342], the Minister makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as the **Prevention and Control of Infectious Diseases (Measures within Infected Local Areas) (No. 6) (Amendment) Regulations 2020**.

Amendment of regulation 6

2. The Prevention and Control of Infectious Diseases (Measures within Infected Local Areas) (No. 6) Regulations 2020 [*P.U. (A) 147/2020*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 6—

(a) in subregulation (2), by inserting after the words “prior written permission of” the words “the Officer in Charge of the Police District of the place where he or she resides or”; and

(b) in subregulation (3), by inserting after the words “prior written permission of” the words “the Officer in Charge of the Police District of the place where he resides or”.

New regulation 7A

3. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 7 the following regulation:

“Prayer at places of worship

7A. Subject to the directions of the Director General issued under regulation 14, persons may congregate to perform prayers at any place of worship of his religion and the persons congregating shall not be regarded as participating or being involved in a gathering prohibited under subregulation 7(1).”.

Substitution of regulation 9

4. (1) The principal Regulations are amended by substituting for regulation 9 the following regulation:

“Private vehicle

9. Any person driving a private vehicle may carry such number of passengers that may be carried in the private vehicle as regulated under the Road Transport Act 1987 [Act 333] and such passengers shall be persons staying in the same house as him.”.

(2) This regulation comes into operation on 27 May 2020.

Substitution of regulation 11

5. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 11 the following regulation:

“Air public transport to State of Sabah or Sarawak or Federal Territory of Labuan from Peninsular Malaysia and *vice versa*

11. A holder of any air public transport licence or permit to carry passengers shall ensure that the number of passengers carried on board the air public transport for each journey to the State of Sabah or Sarawak or the Federal Territory of Labuan from Peninsular Malaysia and *vice versa* shall be in accordance with the directions of the Director General issued under regulation 14.”.

Amendment of Schedule

6. The Schedule to the principal Regulations is amended in paragraph 10 by deleting the words “tourism services,”.

Made 22 May 2020

[KKM.600-29/4/146 Jld.2 (30); PN(PU2)470/VI]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
Minister of Health